

'Jangan pilih pemimpin rosakkan negara, tanam bibit kebencian'

Anwar mahu kepemimpinan dipilih sentiasa jaga kepentingan rakyat, amanah

Sandakan: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan rakyat agar tidak memilih pemimpin yang merosakkan negara dan menanam bibit kebencian sesama rakyat, sebaliknya memastikan kepemimpinan negara diurus dengan amanah dan tatakelola yang baik.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu memilih pemimpin yang sentiasa menjaga kepentingan rakyat dan tidak mengamalkan sikap mengaut keuntungan apabila mempunyai kuasa.

"Kita banyak mendengar pemimpin yang mencuri sana, mencuri sini. Budaya sebegini mesti dihentikan. Kita perlu tindakan yang tegas.

"Kadang-kadang mereka sendiri pernah jadi pemimpin yang kaya, membolot projek besar, tetapi tetap marah pada orang lain. Tidak boleh begitu. Mesti ada kesungguhan untuk membetulkan keadaan," katanya pada Majlis Jelajah Wira MADANI dan Sambutan Ulang Tahun ke-20 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di Kompleks Maritim Malaysia Zon Maritim Sandakan di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri Sa-

bah, Datuk Seri Hajiji Noor; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Mohd Rosli Abdullah.

Anwar berkata, dalam soal pertahanan dan keselamatan, kerajaan tidak boleh berkompromi dengan ketirisan, keborosan serta rasuah kerana ia akan melemahkan negara walaupun perbelanjaan pertahanan mencecah berbilion ringgit.

"Ketirisan, keborosan, rasuah mesti dihalang. Kalau tidak, sehebat mana pun negara, ia akan jatuh. Kalau yang diamanahkan itu kerjanya pecah amanah, negara akan rosak," katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut memuji dan berpuas hati dengan prestasi Maritim Malaysia yang semakin baik selepas kerajaan menambah peruntukan kepada agensi itu.

Beliau berkata, kawasan perairan negara yang luas memerlukan aspek keselamatan dan aset pertahanan negara sentiasa bersedia serta lengkap.

"Negara ini aman, tetapi kita berdepan dengan masalah penyeludupan manusia, senjata, dadah dan juga pencerobohan. Semua ini memerlukan satu angkatan yang disiplin dan berkelengkapan baik.

"Malaysia ini aman hasil daripada sumbangan dan pengorbanan pasukan keselamatan, termasuk Maritim Malaysia. Sebab itu kita harus sentiasa memastikan kelengkapan dan disiplin mereka terjaga. Tanggungjawab ini mesti disempurnakan dengan penuh amanah," katanya.



Anwar tiba pada Majlis Jelajah Wira MADANI dan Sambutan Ulang Tahun ke-20 Maritim Malaysia di Sandakan, semalam. (Foto BERNAMA)

Sementara itu, bercakap pada majlis Sarapan Mesra Wira Samudera di Taman Samudera Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Anwar mahu projek pembinaan perumahan Angkatan Tentera dengan peruntukan RM190 juta di Batu 10 di sini, disegerakan.

Beliau berkata, isu berkaitan masalah tanah bagi projek berkenaan akan cuba diselesaikan dengan kerjasama kerajaan negeri yang berkuasa dalam hal ehwal pentadbiran tanah.

"Saya minta laporan kemajuannya (projek) dalam tempoh

dua minggu, mungkin dalam mesyuarat (Kabinet) akan datang dan Panglima Angkatan Tentera memberi laporan, saya nak tahu supaya dipercepat," katanya.

Kebajikan ATM terpelihara

Selain itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan kerajaan telah meluluskan pembinaan jeti baharu di Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) yang bernilai RM122 juta, tahun ini.

Beliau berkata, kedua-dua projek itu mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam memastikan kebajikan anggota

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terus terpelihara.

Sementara itu, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Mohd Nizam Jaffar melahirkan penghargaan terhadap Perdana Menteri yang sudi meluangkan masa menyantuni warga ATM serta melihat sendiri pelaksanaan projek yang telah diluluskan itu.

Bagi projek pembinaan Kwarters Perumahan Angkatan Tentera membabitkan 225 unit rumah, beliau berkata, ia berada proses akhir tender dan dijangka siap pada 2030. BERNAMA